

Ikan air tawar jenis baru dikenal pasti selepas 30 tahun

JENIS IKAN BARU: Ikan saddle barb (*Barbodes sellifer*) adalah jenis ikan air tawar baru di Singapura kerana ia mempunyai ciri yang amat berbeza berbanding jenis asalnya yang dikenal pasti sebelum ini seperti belang gelapnya di bawah sirip belakangnya. - Foto BH oleh TAN HEOK HUI

SEJENIS ikan air tawar jenis baru telah dikenal pasti di Singapura dalam satu penemuan yang telah mengambil masa hampir 30 tahun.

Ikan saddle barb (*Barbodes sellifer*) merupakan sejenis ikan yang hidup di sungai-sungai air tawar di sini.

Skema begitu jarang ditemui di kawasan perbandaran Singapura, dan ia hanya terhad khususnya di kawasan hutan seperti Hutan Simpanan Central Catchment.

Menurut laporan *The Straits Times* (ST) baru-baru ini, kekurangan pengetahuan terhadap kewujudan ikan itu bukan disebabkan ia jarang ditemui.

Sebaliknya, identiti ikan itu telah beberapa kali silap dikenal pasti.

B. sellifer, dan juga sejenis lagi ikan baru, *Barbodes zakariaismaili*, sebelum ini telah dikenal pasti sebagai jenis ikan lain, kata Encik Kelvin Lim, salah satu daripada dua penyelidik di sebalik kajian berkenaan.

Sejak berdekad lamanya, kedua-dua ikan berkenaan telah dikenal pasti sebagai *Barbodes binotatus*, yang dikesan sebagai jenis yang mempunyai banyak varian, dengan setiap jenis mempunyai corak warna yang berbeza dari rantau ke rantau.

"*B. binotatus* dipercayai mempunyai pelbagai jenis dari Indocina dan Filipina ke Malaysia dan Indonesia barat," kata Encik Lim, seorang kurator bagi haiwan vertebrat di Muzium

Sejarah Semula Jadi Lee Kong Chian, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Vertebrat itu merujuk kepada haiwan yang mempunyai tulang belakang, yang termasuk ikan bertulang dan mamalia.

Tidak seperti kehidupan marin di laut, tempat tinggal di air tawar selalunya berasingan kerana dipisahkan daripada darat berbanding dunia marin laut yang dihubungkan lautan besar dan kecil.

Untuk membezakan antara populasi *B. binotatus* yang didapati di pelbagai rantau, ahli sains sejak sepanjang beberapa dekad lalu telah memberi nama kepada beberapa populasi berdasarkan rantau yang mereka diami itu.



Misalnya, populasi jenis ikan berkenaan yang mempunyai belang gelap di bawah sirip belakangnya (dorsal) yang didapati di Semenanjung Malaysia, Singapura, dan Sarawak itu adalah *Puntius binotatus banksi*.

Namun pada 2013, kajian lanjut telah dijalankan yang membuktikan bahawa kumpulan ikan tersebut mempunyai perbezaan yang jelas daripada kumpulan besar ikan itu yang membolehkannya dianggap sebagai jenis tersendiri - iaitu *Barbodes banksi*.

Biarpun demikian, kajian terkini oleh Encik Lim dan pakar ikan air tawar, Encik Maurice Kottelat dari Switzerland menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara jenis-jenis di bawah jenis *B. banksi* itu.

Menerusi pemeriksaan yang melibatkan lebih 500 spesimen yang dikenal pasti sebagai *B. banksi* dalam muzium itu, penyelidik dapat mengenal pasti perbezaan tiga kumpulan jenis ikan berdasarkan corak warna dan bentuk badan mereka.

Misalnya, *B. sellifer* mempunyai belang gelap di bawah sirip belakang berbentuk tiga hingga empat segi yang lebih tebal, manakala *B. zakariaismaili* mempunyai badan yang lebih kurus, disertakan belang gelap di bawah sirip berkenaan dan lagi satu belang gelap senget terletak di bahagian depan badannya.

Berbanding jenis asalnya, *B. banksi* mempunyai belang tipis di bahagian tepi badannya di bawah sirip belakangnya dorsalnya.